



**SIARAN MEDIA**  
**PRESS RELEASE**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

---

**PENJELASAN LAYANAN GST TERKINI KE ATAS PELBAGAI BARANG  
DAN PERKHIDMATAN TERTENTU**

Selaras dengan penelitian semula layanan GST ke atas beberapa barang dan perkhidmatan, Kementerian Kewangan ingin memaklumkan bahawa skop pengenaan GST yang berkadar sifar dan bekalan yang dikecualikan diperluaskan seperti berikut:

- i. Kenaan GST pada kadar sifar ke atas buku tertentu seperti buku latihan, kamus, buku teks, buku rujukan, buku latihan, kitab agama, surat khabar termasuk e-newspaper, buku bergambar, buku lukisan dan buku berwarna kanak-kanak yang diumumkan sebelum ini diperluaskan kepada semua jenis bahan bacaan termasuk surat khabar. Manakala majalah dan buku-buku lain yang bukan merupakan bahan bacaan akan dikenakan GST pada kadar 6%.

Kerajaan berharap melalui pengumuman ini, semua bahan bacaan yang dikenakan GST pada kadar sifar tidak akan mengalami sebarang kenaikan harga dan seterusnya dapat meningkatkan budaya membaca di kalangan rakyat;

- ii. Bilangan ubat yang dikenakan GST pada kadar sifar di bawah Senarai Ubat-Ubatan Penting Nasional (*National Essential List*) diperluaskan daripada 2,900 kepada 4,215 jenama ubat.

Peluasan senarai ubat yang dikenakan GST pada kadar sifar ini adalah untuk memastikan ubat-ubatan di bawah Senarai Ubat-Ubatan Penting Nasional (*National Essential List*) dapat meliputi semua dos dan kaedah pengambilan. Kementerian Kewangan juga akan mengkaji cadangan Kementerian Kesihatan untuk memperluaskan lagi jenis ubat bagi penyakit tertentu untuk dikenakan GST pada kadar sifar;

- iii. Yuran penyelenggaraan dan *sinking fund* yang dikecualikan dari GST ke atas rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah diperluaskan meliputi semua jenis bangunan kediaman yang dipegang di bawah hakmilik strata.

Kerajaan berharap langkah mengecualikan GST ke atas yuran penyelenggaraan dan *sinking fund* bagi semua jenis rumah kediaman yang dipegang di bawah hakmilik strata akan membantu badan pengurusan bersama dan perbadanan pengurusan serta pemilik bangunan di dalam mengurus dan menyelenggara bangunan kediaman; dan

- iv. Perkhidmatan pendidikan yang dikecualikan dari GST diperluaskan meliputi pendidikan kemahiran yang disediakan

oleh penyedia latihan kemahiran yang menjalankan program yang diluluskan dan ditauliahkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652].

Selain daripada perkara di atas, Kementerian Kewangan juga ingin membuat penjelasan mengenai perkara berikut:

### **1. Layanan GST Ke Atas Perkhidmatan Kesihatan**

Perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan (klinik, hospital, pusat rawatan dialisis dan seumpamanya) yang didaftarkan atau dilesenkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 adalah dikecualikan dari GST. Ini bermaksud hospital atau klinik tidak akan mengenakan GST ke atas perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada pesakit. Walau bagaimanapun, GST pada kadar 6% akan dikenakan ke atas caj rawatan atau perkhidmatan rundingan yang diberikan oleh doktor bebas (*independent doctor*) yang tidak berdaftar sebagai kemudahan jagaan kesihatan. Pengenaan GST ini adalah tertakluk kepada doktor tersebut berdaftar di bawah GST.

Di dalam membantu kemudahan jagaan kesihatan swasta untuk mengurangkan kos untuk menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan, sebanyak 120 jenis peralatan perubatan yang dibeli oleh hospital, klinik atau mana-mana kemudahan jagaan kesihatan swasta diberi pelepasan GST. Senarai peralatan kesihatan ini akan dimaklumkan

kepada pihak hospital, klinik atau kemudahan jagaan kesihatan swasta yang lain.

## **2. Penjelasan Mengenai Barang Yang dikenakan GST Pada Kadar Sifar:**

- a. Susu formula bayi yang dikenakan GST pada kadar sifar adalah bagi kategori umur 0 sehingga 36 bulan serta meliputi semua jenis perisa. Lain-lain susu di luar peringkat umur tersebut adalah dikenakan GST pada kadar 6%;
- b. Semua jenis beras termasuk beras pulut, basmathi dan beras perang adalah dikenakan GST pada kadar sifar; dan
- c. Gula yang dikenakan GST pada kadar sifar adalah meliputi semua jenis gula seperti gula castor, kasar dan halus tanpa mengambil kira bentuk dan kaedah pembungkusan.

## **3. Penjelasan Mengenai Layanan GST Ke Atas Badan Bukan Kerajaan dan Intitusi Keagamaan**

Badan bukan kerajaan dan institusi keagamaan yang terlibat sepenuhnya di dalam aktiviti kebajikan atau keagamaan adalah tidak tertakluk kepada dikenakan GST. Sekiranya terdapat sebarang aktiviti

bersifat perniagaan dijalankan oleh organisasi tersebut dan nilai bekalan bercukai yang dibuat adalah melebihi *threshold* yang ditetapkan iaitu RM500,000 setahun maka badan bukan kerajaan dan institusi keagamaan perlu berdaftar di bawah GST dan mengenakan GST ke atas bekalan yang dibuat.

#### **4. Layanan GST di Zon Perdagangan Bebas dan Gudang**

Kementerian Kewangan mengambil maklum akan beberapa isu yang dibangkitkan oleh pihak industri mengenai pengenaan GST ke atas perkhidmatan yang dibekalkan di dalam Zon Perdagangan Bebas dan Gudang. Secara prinsipnya, pengenaan GST ke atas perkhidmatan yang dibekalkan tidak akan menambahkan kos perniagaan kerana apa-apa GST yang dibayar boleh dituntut semula sebagai kredit oleh syarikat yang berdaftar.

Penelitian semula sedang dijalankan dan secara prinsipnya beberapa jenis perkhidmatan yang digunakan di dalam kawasan berikut akan diberi layanan khas. Langkah ini adalah bagi memastikan aktiviti perniagaan yang dijalankan di dalam kawasan tersebut adalah kompetitif dan selaras dengan amalan di peringkat antarabangsa. Keputusan mengenai jenis perkhidmatan yang akan diberi pelepasan GST akan dimaklumkan kepada pihak industri.

Kementerian Kewangan berharap peluasan skop layanan GST pada kadar sifar, bekalan yang dikecualikan dan pelepasan di atas akan dapat memanfaatkan rakyat dan industri.

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

**26 Mac 2015**